

PENGARUH DIALEK KELANTAN DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU PELAJAR THAI DI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Khuzaiton Zakaria
Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan
khuzaiton@umk.edu.my

Nurhuda Sadama
Yala Rajabhat University, Thailand
Nurhuda.s@yru.ac.th

ABSTRAK

Penulisan ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman mengajar bahasa Melayu kepada pelajar asing dari negara Thai di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Pembentang ialah satu-satunya pengajar Kursus Bahasa Melayu yang juga merupakan anak jati negeri Tanah Sekebung Bunga, Cik Siti Wan Kembang. Kemasukan pelajar asing ke universiti di negara ini mensyaratkan mereka perlu—mempelajari bahasa Melayu kerana mereka dikehendaki mengambil kursus wajib Bahasa Melayu yang ditawarkan kepada mereka seperti yang terdapat dalam peraturan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Mereka tidak mempunyai pilihan lain kerana mengikuti Kursus Bahasa Melayu dan mempelajari bahasa Melayu adalah sebagai prasyarat untuk lulus dalam pengajian di UMK. Pengajaran Bahasa Melayu menerima tempias dialek Kelantan memandangkan pelajar dari negara Thai fasih berbahasa Melayu dialek Patani yang agak sama dengan dialek Kelantan. Dialek Kelantan digunakan oleh pengkaji semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu untuk memberi penjelasan dan pemahaman kepada pelajar mengenai makna sesuatu kosa kata atau ayat yang terdapat dalam bahasa Melayu. Dialek Kelantan juga digunakan oleh pelajar Thai kerana mereka sudah sehati bertutur dalam dialek Melayu Patani. Penggunaan dialek Kelantan boleh dilihat dalam aspek fonologi, morfologi, ayat dan leksikal. Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan pengaruh dialek Kelantan dari sudut fonologi dan leksikal semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu kepada pelajar Thai.

Kata Kunci: Pengajaran Bahasa Melayu; Dialek Kelantan; Pelajar Thai; Fonologi; Leksikal

PENGENALAN

Bahasa Melayu ialah bahasa rasmi negara Malaysia. Dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahawa bahasa kebangsaan di Malaysia ialah bahasa Melayu. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bagaimanapun tidak menafikan kedudukan dan hak bahasa lain untuk digunakan, dipelajari dan dikembangkan. Semua rakyat Malaysia menerima bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa untuk semua kaum di negara ini. Apabila semua kaum menerima bahasa ini sebagai bahasa mereka, maka bahasa Melayu menjadi saluran komunikasi utama untuk kaum di negara kita. Bagi memartabatkan bahasa Melayu di negara sendiri, maka Kementerian Pendidikan Malaysia (2017) telah mewajibkan semua institusi pengajian tinggi yang mengambil pelajar asing atau pelajar antarabangsa mengambil Kursus Bahasa Melayu sebagai kursus wajib. Justeru, Kursus Bahasa Melayu diadakan bagi pelajar asing dan mereka mestilah lulus kursus tersebut bagi memenuhi prasyarat untuk bergraduasi apabila tamat pengajian di UMK kelak.

Pelajar Asing

Pelajar asing yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pelajar dari negara Thai. Mereka merupakan pelajar Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan di UMK. Bilangan pelajar Thai yang belajar di UMK adalah seramai lima orang pelajar dalam tahap yang berbeza. Pembentang mendapati pelajar-pelajar dari negara Thai menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa pertama atau bahasa pertuturan harian walaupun bahasa ini bukanlah bahasa ibunda mereka. Mereka banyak berkomunikasi dalam bahasa Thai apabila bersama-sama kawan namun apabila mereka berada di rumah bersama-sama keluarga, mereka menggunakan bahasa Melayu dialek Patani. Mengikut Hamdan (2003) Pelajar ini dapat dikategorikan kepada tiga seperti berikut:

Pelajar yang berketurunan Thai yang tidak menggunakan bahasa Melayu sama sekali dalam pertuturan mereka. Pelajar yang berketurunan Melayu yang merupakan golongan minoriti dalam masyarakat mereka dan sudah atau hampir kehilangan bahasa ibunda serta menjadikan bahasa Thai sebagai bahasa ibunda mereka. Pelajar yang berketurunan Melayu yang menjadi golongan majoriti dalam masyarakat mereka. Mereka masih boleh bertutur dan menguasai dialek Melayu Patani yang dominan dalam masyarakat itu serta masih menggunakannya secara aktif dalam kehidupan seharian mereka.

Pelajar Thai yang belajar di UMK ialah pelajar dari kategori 2 dan 3 iaitu pelajar yang berketurunan Melayu yang banyak menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa pertuturan harian mereka dan juga pelajar yang menggunakan dialek Melayu Patani sebagai bahasa komunikasi mereka setiap hari. Pelajar-pelajar berkenaan datang dari kawasan yang berbeza iaitu dari Narathiwat, Patani dan Yala. Bahasa pertuturan bagi penduduk di ketiga-tiga wilayah selatan Thai ialah dialek Melayu Patani dan mereka juga boleh menggunakan dialek Kelantan (Abdul Hamid, 2006). Kedua-dua dialek ini tidaklah sama sepenuhnya tetapi mempunyai banyak persamaan. Pengkaji mendapati terdapat masalah dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu kepada pelajar Thai dalam memahami makna perkataan, sebutan dan intonasi. Justeru, dialek Kelantan digunakan untuk menyata atau menyampaikan maksud atau makna bagi sesuatu perkataan atau ayat yang tidak difahami oleh pelajar Thai.

Kursus Bahasa Melayu

Di Malaysia, menerusi Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996, semua pelajar asing di Institusi Pengajian Tinggi Swasta diwajibkan mempelajari kursus Bahasa Melayu sebagai syarat pengijazahan. Bagi memenuhi kehendak dasar yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2017), PBI telah membina sukatan Kursus Bahasa Melayu berdasarkan sukatan Mata Pelajaran Umum (MPU) yang menjurus kepada berkomunikasi dalam bahasa Melayu asas yang meliputi situasi kehidupan harian. Melalui kursus ini, pelajar akan diperkenalkan dengan pertuturan dan penulisan bahasa Melayu mudah. Kursus ini juga memberi fokus kepada pemahaman secara umum mengenai bahasa Melayu dan kepentingannya dalam konteks Malaysia. Pelajar-pelajar akan didedahkan dengan pertuturan dan penulisan bahasa Melayu dalam situasi formal dan tidak formal dengan bimbingan pengajar kelas tersebut. Pelajar-pelajar juga dapat membaca bahan bahasa Melayu yang mudah dengan sebutan dan intonasi yang betul serta dapat memahami budaya Melayu. Kursus Bahasa Melayu ditawarkan di UMK kepada pelajar Thai dapat dibahagikan kepada tiga tahap iaitu:

1. Bahasa Melayu tahap 1 (UBY 2012)
2. Bahasa Melayu tahap 2 (UBY 2022)
3. Bahasa Melayu tahap 3 (UBY 2023)

Jam pengajaran bagi kursus ini ialah dua jam kredit dengan tiga jam pertemuan seminggu. Pertemuan ataupun kelas diadakan sebanyak dua kali seminggu iaitu satu jam bagi kuliah dan dua jam bagi tutorial. Jumlah jam pertemuan yang disediakan dapat membolehkan pelajar Thai di UMK menguasai kemahiran berbahasa Melayu bagi melahirkan idea dan

perasaan mereka secara lisan dan penulisan dengan betul. Kajian oleh Siti Saniah (2013) membuktikan bahawa tempoh pengajaran yang menawarkan hanya untuk satu semester adalah terlalu pendek bagi perkembangan kemahiran bertutur pelajar. Di UMK, pelajar Thai diwajibkan untuk mengambil dan lulus dalam kursus Bahasa Melayu tahap 1, tahap 2, dan tahap 3.

Pendekatan, Kaedah dan Teknik Pengajaran

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran Kelas Bahasa Melayu kepada pelajar Thai di UMK, pengkaji menggunakan pendekatan komunikatif. Pendekatan komunikatif ini digunakan untuk membina kebolehan dan keupayaan berkomunikasi dalam bahasa Melayu bagi pelajar Thai. Menyentuh mengenai kaedah pula, pengkaji menggunakan kaedah elektik. Kaedah ini menggabungkan segala ciri baik (Kalthum, 2003) dalam pengajaran bahasa yang terdapat dalam kaedah-kaedah yang lain seperti kaedah tatabahasa terjemahan, kaedah terus, kaedah dengar dan ajuk, kaedah khusus dan kaedah terjemahan. Kaedah ini menggunakan banyak latihan dalam pengajarannya.

Empat kemahiran bahasa yang penting iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dapat dipraktikkan menerusi kaedah ini. Contohnya kaedah terus digunakan untuk mengajar sebutan, kaedah terjemahan digunakan untuk menerangkan makna kata, kaedah dengar dan ajuk dapat dipraktikkan melatih tubi pola-pola ayat dan kaedah khusus diamalkan untuk mengajar membaca dan mengajar tatabahasa. Menurut Tyacke dan Mendelson (1986), guru yang mengajar bahasa dengan baik akan mempengaruhi pelajarannya untuk menggunakan pelbagai kaedah, teknik dan cara atau strategi belajar seperti yang diajar oleh guru bahasa mereka.

Pengkaji menggunakan beberapa teknik semasa mengajar bahasa Melayu. Antaranya ialah teknik bercerita, teknik bersoal jawab, teknik main peranan dan teknik menyanyi. Teknik-teknik ini digunakan bagi menarik minat penutur Thai supaya mereka dapat memberi tumpuan semasa berada di dalam kelas Bahasa Melayu. Tidak ketinggalan penerapan latihan lisan sentiasa diberi keutamaan kerana melalui latihan ini para pelajar Thai terpaksa bercakap mengenai tajuk yang diberikan dalam bahasa Melayu. Pengkaji mengemukakan beberapa tajuk untuk dibicarakan oleh pelajar Thai seperti:

Perkara yang ada hubungan dengan diri penutur sendiri iaitu bercakap mengenai diri sendiri, keluarga, sahabat, makanan dan minuman kegemaran. Perkara yang berkaitan dengan kursus yang mereka ambil, UMK, tempat tinggal dan sebagainya. Perkara berdasarkan e-mel yang dihantar kepada pelajar oleh fakulti, maklumat yang ditampal di kaunter fakulti, atau gambar yang disediakan oleh pelajar sendiri atau pengajar dan sebagainya. Perbualan telefon, di kaunter pejabat, di kaunter fakulti, di café, di restoran, di Klinik Kesihatan UMK, di pasar, di bank, di pejabat pos, di lapangan terbang, di stesen bas atau teksi dan sebagainya.

Kemahiran lisan amat diberi penekanan kerana kemahiran ini melibatkan penguasaan mendengar dan bertutur. Kemahiran menulis juga diberikan setelah mereka diberi pendedahan tentang kosa kata dan dapat bertutur dengan menggunakan ayat yang mudah dengan baik. Latihan menulis diberikan kepada pelajar Thai untuk memberi ruang kepada mereka menulis apa yang mereka tuturkan secara lisan berdasarkan tajuk atau perkara yang dinyatakan di atas seperti mereka menulis beberapa ayat mudah mengenai diri mereka sendiri atau menulis mengenai keluarga mereka.

Aktiviti luar kelas sentiasa menjadi aktiviti penting dalam pengajaran Bahasa Melayu untuk pelajar Thai di UMK. Menurut Juriah (2000), penguasaan unsur tatabahasa dan sistem bahasa sahaja tidak dapat menjamin pelajar menggunakan bahasa yang tepat dan berkesan dalam pelbagai konteks penggunaan bahasa di dalam dan di luar bilik darjah. Kedudukan UMK di lokasi yang berhampiran dengan kedai peralatan elektrik, kedai pakaian, kedai jahit, restoran, pasar tani, pasar, lapangan terbang, bank, pejabat pos, dan lain-lain lagi telah

menjadikan pengajaran Bahasa Melayu lebih seronok dan berkesan kerana pelajar dapat didedahkan dengan keadaan atau situasi sebenar.

Pengkaji bersama-sama pelajar berkenaan ke tempat sebenar berdasarkan tajuk pada minggu tersebut. Misalnya, tajuk perbualan di kaunter membeli tiket bas ekspres ke Kuala Lumpur. Pelajar diminta untuk berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu yang betul dan tidak boleh menggunakan dialek Kelantan dengan kerani tiket tersebut. Pengkaji tidak akan mencelah atau berbual dengan penjual tersebut. Perbualan antara kerani tiket dan pelajar itu akan dinilai oleh pengkaji untuk menentukan penguasaan bahasa Melayu pelajar berkenaan. Perbualan tersebut kadang-kadang menimbulkan kelucuan dan perbualan disusuli dengan gelak dan tawa kerana pelajar Thai tersasul menggunakan dialek Kelantan dan kerap kali bertanya soalan yang sama agar kedengaran seperti mereka menggunakan bahasa Melayu dengan betul dan bukannya menggunakan dialek Kelantan.

Penggunaan Dialek Kelantan di Dalam Kelas

Pembentang mendapati terdapat penggunaan dialek Kelantan yang seringkali digunakan oleh pelajar Thai dalam kelas semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berlangsung. Pembentang menyenaraikan perkataan tersebut seperti dalam Jadual 1.

JADUAL 1: Perkataan yang berakhir dengan ‘an’, ‘am’, ‘ang’, ‘ai’ dan ‘au’

| Bil. | Perkataan Bahasa Melayu | Dialek Kelantan |
|------|-------------------------|-----------------|
| 1. | jalan | <i>jale</i> |
| 2. | tanam | <i>tane</i> |
| 3. | abang | <i>abe</i> |
| 4. | pantai | <i>pata</i> |
| 5. | kerbau | <i>kuba</i> |

Contoh ayat dialek Kelantan: *Pue, bilo kito nok gi jale pata?*

Contoh ayat bahasa Melayu: Puan, bila kita nak pergi berjalan-jalan ke pantai?

JADUAL 2: Perkataan yang berakhir dengan ‘ar’, dan ‘al’

| Bil. | Perkataan Bahasa Melayu | Dialek Kelantan |
|------|-------------------------|-----------------|
| 1. | besar | <i>besa</i> |
| 2. | ular | <i>ula</i> |
| 3. | kapal | <i>kapa</i> |
| 4. | hafal | <i>hapa</i> |

Contoh ayat dialek Kelantan: *Ambo tak hapa pun ayat hok pensyaroh suruh kemarin.*

Contoh ayat bahasa Melayu: Saya tidak hafal ayat yang disuruh oleh pensyarah semalam.

JADUAL 3: Perkataan yang berakhir dengan ‘a’, ‘p’, ‘r’, ‘s’ dan ‘t’

| Bil. | Perkataan Bahasa Melayu | Dialek Kelantan |
|------|-------------------------|-----------------|
| 1. | bapa | <i>bapo</i> |
| 2. | malap | <i>malak</i> |
| 3. | fikir | <i>pikei</i> |
| 4. | pedas | <i>pedah</i> |

| | | |
|----|-------|--------------|
| 5. | surat | <i>surak</i> |
|----|-------|--------------|

Contoh ayat dialek Kelantan: *Demo terima doh ko surak daripado fakulti?*

Contoh ayat bahasa Melayu: Sudahkah awak terima surat daripada fakulti?

JADUAL 4: Perkataan yang menggunakan kata penguat

| Bil. | Perkataan Bahasa Melayu | Dialek Kelantan |
|------|-------------------------|----------------------|
| 1. | sangat manis | <i>manis letting</i> |
| 2. | sangat masin | <i>masing peghak</i> |
| 3. | sangat tawar | <i>tawa hebe</i> |
| 4. | sangat cantik | <i>come llote</i> |
| 5. | sangat gelap | <i>gelak gelemek</i> |
| 6. | sangat takut | <i>nnakut hapah</i> |

Contoh ayat dialek Kelantan: *Alohla, gelak gelemek dale bilik kuliah tu tak dok api.*

Contoh ayat bahasa Melayu: Alahai, sangat gelap di dalam bilik kuliah itu tiada letrik.

Penggunaan Dialek Kelantan Dalam Bidang Leksikal

Penggunaan dialek Kelantan dalam bidang leksikal juga berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu untuk pelajar Thai. Terdapat beberapa perbezaan dalam bidang leksikal tetapi digunakan iaitu:

1. Kata-kata yang ada dalam dialek Kelantan tetapi tidak terdapat dalam bahasa Melayu
2. Kata-kata yang terdiri dari satu suku kata
3. Kata-kata yang sama tetapi berbeza erti antara dialek Kelantan dengan bahasa Melayu

Pengkaji dapat mengesan beberapa perkataan yang digunakan oleh pelajar Thai apabila mereka berkomunikasi di dalam kelas Bahasa Melayu. Antara perkataan-perkataan yang digunakan dapat dilihat dalam Jadual 5.

JADUAL 5: Perkataan yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu

| Bil. | Dialek Kelantan | Maksud |
|------|----------------------|--------------------|
| 1. | <i>ghoyak</i> | beritahu |
| 2. | <i>kelo</i> | panggil |
| 3. | <i>kelih</i> | lihat |
| 4. | <i>tebolah</i> | tidak berhati-hati |
| 5. | <i>bari</i> | beritahu |
| 6. | <i>lokek/kelorek</i> | kedekut |
| 7. | <i>kasik</i> | sikit |
| 8. | <i>mureh</i> | marah |
| 9. | <i>keghek</i> | kerap |
| 10. | <i>pending</i> | tali pinggang |
| 11. | <i>behe</i> | pukul |
| 12. | <i>gocoh</i> | tumbuk |

JADUAL 6: Perkataan yang terdiri dari satu suku kata

| Bil. | Dialek Kelantan | maksud |
|------|-----------------|----------|
| 1. | <i>lo</i> | sekarang |

| | | |
|-----|-------------|---------|
| 2. | <i>gok</i> | reban |
| 3. | <i>cok</i> | cangkul |
| 4. | <i>ndo</i> | buai |
| 5. | <i>lok</i> | biar |
| 6. | <i>keng</i> | rahang |
| 7. | <i>nu</i> | sana |
| 8. | <i>so</i> | satu |
| 9. | <i>rok</i> | belukar |
| 10. | <i>bo</i> | cukup |

JADUAL 7: Perkataan yang sama tetapi membawa maksud yang berbeza dalam bahasa Melayu

| Bil. | Dialek Kelantan | Erti dalam dialek Kelantan | Bahasa Melayu | Erti dalam bahasa Melayu |
|------|-----------------|----------------------------|---------------|--|
| 1. | <i>selalu</i> | segera | selalu | kerap |
| 2. | <i>kecek</i> | cakap | kecek | perdaya |
| 3. | <i>berahi</i> | gemar | berahi | syok |
| 4. | <i>tembok</i> | jalan raya | tembak | tembak |
| 5. | <i>peringat</i> | nyala | peringat | ingat |
| 6. | <i>pelawok</i> | bohong | pelawak | pelawak |
| 7. | <i>awah</i> | rempah-ratus | awas | waspada |
| 8. | <i>rajin</i> | pernah | rajin | tekun |
| 9. | <i>sauk</i> | pakai | sauk | jaring |
| 10. | <i>papah</i> | guntingan rambut pendek | papah | berjalan dengan berpaut pada bahu orang lain |

Pengkaji juga mendapati terdapat beberapa perkataan yang digunakan oleh pelajar Thai ketika mereka menerangkan sesuatu maksud perkataan kepada rakan mereka semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berlangsung. Perkataan-perkataan tersebut disenaraikan seperti dalam Jadual 8.

JADUAL 8: Perkataan dialek Melayu Patani yang digunakan oleh pelajar Thai

| Bil. | Bahasa Melayu | Dialek Melayu Patani / Dialek Kelantan |
|------|----------------------|--|
| 1. | polis | <i>soldadu</i> |
| 2. | detektif | <i>mata gelap</i> |
| 3. | jalan raya | <i>batas</i> |
| 4. | buku tulis | <i>buk</i> |
| 5. | jambatan | <i>gertak</i> |
| 6. | buku bacaan | <i>surat</i> |
| 7. | lampu | <i>pelita</i> |
| 8. | kuih | <i>tepung</i> |
| 9. | tingkap | <i>jendela, pintu natang</i> |
| 10. | siling | <i>lelangit, pelangit</i> |
| 11. | baki wang | <i>duit tambah</i> |
| 12. | jelas, terang, pasti | <i>cerap</i> |

| | | |
|-----|--------|-------------------|
| 13. | doktor | <i>bomoh</i> |
| 14. | peguam | <i>bomoh guam</i> |

PENUTUP

Pengalaman pengkaji mengajar pelajar dari negara Thai membuka ruang bahawa walaupun kita serumpun namun pada hakikatnya kita tidak sama. Penguasaan dialek Kelantan dan dialek Melayu Patani dalam kalangan pelajar Thai begitu kukuh dan sehati sehinggakan untuk mengubah penggunaan dialek tersebut kepada penggunaan bahasa Melayu yang betul, pelajar tersebut memerlukan dorongan, motivasi serta perubahan sikap untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik dan lancar. Sekiranya pelajar Thai tidak mempunyai motivasi untuk mempelajari bahasa Melayu, maka sudah pastinya mereka masih tidak lari dari kepompong penguasaan dialek Kelantan sehinggalah kursus berakhir.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. (2006). *Sintaksis dialek Kelantan*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hamdan Abdul Rahman, 2003. Pengajaran Bahasa Melayu kepada penutur bahasa Thai. Dlm. Atiah Hj. Mohd Salleh & Ramlah Muhamad (Ed.). *Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Juriah Long. (2000). *Menstrategi pengajaran bahasa Melayu di institusi pendidikan tinggi swasta dalam abad ke-21 bagi menentukan dasar pendidikan negara*. Dlm. *Proceeding on Strategising and learning in the 21st Century*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kalthum Ibrahim, 2003. Pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing: Pengalaman Universiti Kebangsaan Malaysia. Dlm. Atiah Hj. Mohd Salleh & Ramlah Muhamad (Ed.). *Pengajaran Bahasa Melayu untuk penutur asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*. (2017). Putrajaya.
Diakses daripada <http://www.mohe.gov.my/muat-turun/awam/penerbitan/pppm-2015-2025-pt/3-pelan-pembangunan-pendidikan-malaysia-2015-2025-pendidikan-tinggi>
- Siti Saniah Abu Bakar. (2013). Kekangan pelajar asing dalam menggunakan kemahiran bertutur bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1), 52–62.
- Tyacke, M., & Mendelshon, D. (1986). Students' needs: Cognitive as well as communicative. *TESL Canada Journal*, 1, 171–183.